

Notis Perlindungan Data Peribadi Untuk Pemohon Kerja dan Pekerja (Versi Jun 2025)

Di Tenaga Nasional Berhad (No. Syarikat 199001009294 (200866-W)), dan subsidiari kami, kami komited untuk melindungi privasi anda mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("PDPA"). Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis PDP") menerangkan data peribadi apa yang kami kumpulkan tentang anda, bila dan mengapa kami mengumpulkannya, bagaimana kami menggunakannya, syarat yang di bawahnya kami boleh menzahirkannya kepada orang lain, hak-hak anda terhadap data peribadi anda dan bagaimana kami menjaga keselamatannya. Notis PDP ini merangkumi aktiviti pengumpulan dalam talian dan juga luar talian kami.

Data Peribadi yang Boleh Kami Kumpulkan daripada Anda

Kami boleh mengumpul data peribadi berikut tentang anda semasa permohonan kerja dan pekerjaan anda dengan kami:

Untuk Pemohon Kerja

- maklumat peribadi anda untuk membuktikan identiti dan latar belakang anda seperti nama penuh, nombor kad pengenalan atau pasport, visa, tarikh lahir, umur, jantina dan kewarganegaraan anda;
- status dan butiran perkahwinan anda;
- maklumat perhubungan anda seperti alamat, nombor telefon, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel;
- maklumat pendidikan anda, seperti universiti atau sekolah, pencapaian pendidikan, sijil atau transkrip pendidikan, dan maklumat biasiswa anda;
- kemahiran, bahasa dan maklumat keahlian profesional anda;
- sejarah pekerjaan anda, termasuk pengalaman kerja, pencapaian, gaji di tempat kerja semasa atau terdahulu;
- gambar foto atau gambar profil anda;
- lesen memandu anda;
- resume atau kurikulum vitae anda;
- maklumat pengambilan pekerja, termasuk pemeriksaan rujukan dan latar belakang;

- data peribadi sensitif seperti asal ras (keturunan, bangsa atau etnik), pendapat politik, agama atau kepercayaan lain, maklumat kesihatan dan perubatan, maklumat biometrik seperti cap jari dan pengecaman wajah, latar belakang jenayah dan prosiding tatatertib anda. Pada umumnya, kami tidak mengumpulkan data peribadi sensitif melainkan jika ia perlu disebabkan hal keadaan yang luar biasa seperti bagi maksud yang berkaitan dengan permohonan kerja;
- rakaman imej anda melalui kamera CCTV yang dipasang di pejabat atau premis kami;
- rakaman gambar foto dan/atau video anda semasa mana-mana acara korporat kami atau hari terbuka pihak ketiga;
- rakaman panggilan apabila anda menghubungi kami; dan/atau
- apa-apa maklumat berkaitan atau dokumen sokongan lain yang anda serahkan atau yang diserahkan bagi pihak anda semasa permohonan kerja anda dengan kami.

Untuk Pekerja

- Semua maklumat peribadi seperti yang disenaraikan di atas, termasuk butiran akaun bank, maklumat yang berhubungan dengan gaji, insurans dan cukai anda;
- maklumat biometrik anda seperti cap jari dan pengecaman wajah;
- butiran orang tanggungan dan waris dekat anda;
- nombor perhubungan kecemasan dan maklumat orang namaan berkenaan kematian anda; dan/atau
- apa-apa maklumat berkaitan atau dokumen sokongan lain seperti yang anda serahkan atau yang diserahkan bagi pihak anda semasa pekerjaan anda dengan kami.

Bagi melayari laman web secara umum, walaupun tiada data peribadi didedahkan kepada kami, maklumat teknikal dan statistik tertentu boleh didapati oleh kami melalui pemberi perkhidmatan Internet kami seperti kuki, alamat IP anda, masa, tarikh, dan tempoh lawatan anda. Jika anda memberi kami apa-apa data peribadi berhubungan dengan pihak ketiga (contoh. maklumat tentang ahli keluarga seperti suami/isteri, anak dan/atau ibu bapa anda), dengan menyerahkan data peribadi sedemikian kepada kami, anda mengesahkan kepada kami bahawa anda telah memperoleh persetujuan pihak ketiga itu untuk memberi kami data peribadi mereka bagi maksud seperti yang disenaraikan di bawah, dan berkenaan dengan orang belum dewasa (iaitu individu yang berumur di bawah 18 tahun) atau individu yang tidak kompeten dari segi undang-undang untuk memberikan persetujuan, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi mereka, untuk

bersetuju bagi pihak mereka dengan pemprosesan (termasuk penzahiran dan pemindahan) data peribadi mereka mengikut Notis PDP.

Bagaimana Kami Mengumpulkan Data Peribadi Anda

Secara umumnya, kami mendapatkan data peribadi anda terus daripada anda, tetapi kami juga boleh memperoleh data peribadi anda daripada pelbagai sumber, yang boleh merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

- apabila anda mengisi borang permohonan dan menyerahkan kurikulum vitae atau resume dalam portal kerja kami;
- apabila anda memberikan maklumat dalam sumber yang boleh didapati secara umum seperti platform kerjaya lain, terbitan, hantaran dan platform media sosial, dan maklumat lain yang boleh didapati secara umum;
- apabila kami mengumpulkan maklumat tentang anda daripada pihak ketiga (seperti rakan atau saudara) yang telah merujuk anda kepada kami, majikan terdahulu anda, agensi pengambilan pekerja, individu yang dilantik sebagai referi anda, individu yang dilantik untuk bertindak bagi pihak anda, institusi penjagaan kesihatan atau vendor lantikan kami untuk apa-apa perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pekerjaan);
- apabila anda memberikan maklumat pada laman web Intranet TNB semasa pekerjaan anda;
- apabila anda menyertai apa-apa tinjauan, soal selidik, pertandingan, peraduan, tawaran atau promosi yang dilakukan secara dalaman atau melalui pihak ketiga yang dilantik;
- apabila anda menghadiri mana-mana acara korporat kami atau acara yang berkaitan seperti pameran kerjaya;
- apabila anda melawat atau melayari laman web kami; dan/atau
- daripada sumber lain jika anda telah memberikan persetujuan anda untuk penzahiran data peribadi yang berhubungan dengan anda, dan/atau jika selainnya dibenarkan di sisi undang-undang.

Pemprosesan Data Peribadi yang Dikumpulkan

Anda bersetuju bahawa kami boleh memproses data peribadi anda jika dibenarkan oleh

undang-undang yang terpakai dan bagi maksud yang berikut:

- bagi maksud yang berkaitan dengan permohonan kerja;
- bagi maksud pekerjaan;
- untuk memudahkan komunikasi dan surat-menyurat dengan anda;
- untuk mengurus perkara yang berkaitan dengan pekerjaan, termasuk gaji, pampasan dan faedah;
- untuk memantau dan memastikan pematuhan polisi dan prosedur syarikat;
- untuk menyediakan latihan dalaman/ luaran dan peluang pembangunan kerjaya;
- untuk memudahkan capaian kepada sumber dan sistem syarikat;
- untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang telah dijadikan tanpa nama atau dikumpulkan dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai seorang individu;
- untuk menjalankan tinjauan, soal selidik, dan memberi anda maklumat daripada kami atau yang kami rasa mungkin menarik minat anda;
- untuk mematuhi mana-mana obligasi perundangan atau pengawalseliaan di bawah undang-undang yang terpakai, peraturan, garis panduan atau kod industri yang terpakai bagi kami;
- untuk menyenggara rekod yang dikehendaki bagi tujuan keselamatan, tuntutan atau maksud perundangan lain;
- untuk mengesan dan/atau mencegah aktiviti penipuan;
- untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda;
- bagi apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan kontrak pekerjaan anda dengan TNB; dan/atau
- bagi apa-apa maksud lain yang berhubung dengan, berkaitan dengan, atau untuk lanjutan bagi maksud di atas dan juga bagi maksud lain yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan.

Dengan Siapa Kami Berkongsi Data Peribadi Anda

Kami boleh menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut, sama ada di dalam dan/atau di luar Malaysia bagi maksud pemprosesan seperti yang dinyatakan dalam Notis PDP ini:

- dalam TNB dan Kumpulan TNB;

- rakan perniagaan dan rakan strategik kami serta pihak lain bagi apa-apa maksud lain yang berhubung dan/atau berkaitan secara langsung dengan maksud pekerjaan;
- individu, syarikat atau organisasi yang membantu kami dalam pemprosesan dan/atau selainnya pemenuhan transaksi atau perkhidmatan;
- mana-mana badan yang diluluskan jika caruman pekerja dikirimkan;
- mana-mana organisasi yang diberi kuasa untuk menyediakan faedah kakitangan, seperti skim insurans, skim perumahan dan skim syer pekerja (jika ada);
- apa-apa perkhidmatan penjagaan kesihatan, termasuk mana-mana pengamal perubatan, institusi perubatan, hospital, syarikat insurans untuk menyediakan faedah perubatan dan untuk melindungi kepentingan vital;
- syarikat atau organisasi yang menyediakan dan mengendalikan latihan dan pengembangan bakat;
- pihak ketiga yang menyediakan sumber luar bagi fungsi dalaman kami;
- ahli keluarga terdekat dan/atau orang hubungan kecemasan anda seperti yang dimaklumkan kepada kami, apabila perlu untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda;
- kerajaan persekutuan atau negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, badan pengawalseliaan, agensi pelaksana, agensi kerajaan dan pihak-pihak berkuasa yang lain;
- agensi penguatkuasaan undang-undang;
- senarai pihak ketiga yang dibenarkan bagi penzahiran dalam Lampiran IV Tataamalan yang boleh diakses pada pautan http://www.tnb.com.my/assets/files/PERSONAL_DATA_PROTECTION_CODE_OF_PRACTICE_V2.pdf;
- pihak lain yang kepadanya anda telah memberikan persetujuan tersurat atau tersirat anda; dan/atau
- mana-mana pihak berkaitan lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

Kami tidak akan selainnya menggunakan, berkongsi, menyebarkan, menerbitkan atau menzahirkan data peribadi anda, kecuali seperti yang dikehendaki di bawah obligasi kontraktual, litigasi, penyiasatan atau penzahiran lain yang dikehendaki di sisi undang-undang atau untuk melindungi hak, harta atau keselamatan kami, anda atau orang lain.

Jika Data Peribadi yang Anda Berikan Adalah Tidak Lengkap

Jika diminta, sama ada melalui cara manual atau elektronik, adalah menjadi keperluan untuk memberikan data peribadi anda bagi kami untuk memproses data peribadi anda bagi memenuhi permohonan kerja anda dan/atau maksud pekerjaan, kehendak perundangan dan/atau kontraktual, dan/atau maksud lain yang dibenarkan di bawah undang-undang.

Dalam hal keadaan anda tidak dapat memberikan data peribadi yang lengkap:

- untuk pemohon kerja, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan kerja anda; atau
- untuk pekerja, kami mungkin tidak dapat memenuhi obligasi kami sebagai majikan di bawah terma-terma pekerjaan dan apa-apa faedah lain yang berkaitan dengannya.

Hak Anda untuk Mengakses dan Membetulkan Data Peribadi Anda

Berdasarkan permintaan anda, kami akan membantu anda mengakses dan membetulkan data peribadi anda yang kami pegang atau kawal. Kami komited untuk memastikan data peribadi anda lengkap, tepat dan terkini berdasarkan butiran yang telah anda berikan. Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan dan mengemaskinikan apa-apa perubahan kepada data peribadi anda. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan data peribadi anda, kami boleh mempertimbangkan permintaan anda tertakluk kepada alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang.

Berapa Lama Kami Akan Menyimpan Data Peribadi Anda

Kami akan menyimpan data peribadi anda dengan mematuhi Notis PDP ini dan/atau terma dan syarat semasa pekerjaan anda dengan kami selama tempoh hubungan anda dengan kami, selama tempoh seperti yang perlu untuk melindungi kepentingan kami dan/atau pekerja kami seperti yang disifatkan sebagai perlu, jika selainnya dikehendaki oleh undang-undang dan/atau jika dikehendaki oleh polisi kami yang berkaitan untuk maksud yang baginya ia telah dikumpulkan mengikut Notis PDP ini atau seperti yang dikehendaki oleh tempoh berkanun yang terpakai. Apa-apa data peribadi yang telah kami kumpulkan akan disimpan semasa tempoh pekerjaan anda serta semasa tempoh pascapekerjaan selagi

data peribadi itu perlu digunakan bagi maksud asal pengumpulannya atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.

Bagaimana Kami Melindungi dan Menjaga Data Peribadi Anda

Kami akan mengambil semua langkah yang praktikal bagi melindungi data peribadi anda daripada apa-apa kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja, perubahan atau pemusnahan data peribadi anda. Laman web kami dan platform dalam talian kami mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. Notis PDP ini tidak merangkumi laman web pihak ketiga tersebut kerana ia di luar kawalan kami. Jika anda memutuskan untuk melawat laman web pihak ketiga ini melalui pautan yang disediakan, ia mungkin mengumpulkan data peribadi anda. Anda bertanggungjawab untuk mempersetujui dan mengakuri dasar privasi laman web pihak ketiga tersebut sebelum memberikan apa-apa data peribadi anda. Kami menafikan apa-apa liabiliti undang-undang atau liabiliti lain terhadap tindakan, polisi privasi, atau pematuhan standard privasi laman web pihak ketiga ini.

Pemindahan Data Peribadi Anda ke Luar Malaysia

Apa-apa data peribadi, yang anda berikan kepada kami, akan diperlakukan berdasarkan standard keselamatan yang paling tinggi selaras dengan PDPA. Kami mungkin perlu memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia jika mana-mana pemberi perkhidmatan, subsidiari, rakan perniagaan dan rakan strategik kami dan pihak lain yang terlibat dalam pemberian sebahagian daripada perkhidmatan, bertempat di negara di luar Malaysia. Anda dengan ini memberikan persetujuan bagi kami untuk memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia (semasa pekerjaan anda dengan kami) bagi maksud ini. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa pemberi perkhidmatan, subsidiari, rakan perniagaan dan rakan strategik kami dan pihak lain tidak menggunakan data peribadi anda atas apa-apa alasan selain daripada untuk memberikan perkhidmatan berdasarkan kontrak yang diikat oleh mereka dengan kami. Sebagai sebahagian daripada pemberian perkhidmatan yang melibatkan pemindahan data peribadi anda ke negara-negara di luar Malaysia, kami akan memastikan bahawa tahap perlindungan yang mencukupi telah dilaksanakan untuk menjaga data peribadi anda.

Persetujuan Anda

Dengan menyerahkan data peribadi anda (termasuk data peribadi sensitif), anda dengan ini bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Notis PDP ini. Kami mempunyai hak untuk menyemak atau menarik balik Notis PDP ini bila-bila disifatkan sebagai perlu. Kami boleh mengkaji semula dan mengemaskinikan Notis PDP ini dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan maklumat terkini kepada anda tentang apa-apa semakan semula, pengemaskinian dan perubahan pada Notis PDP ini melalui platform komunikasi rasmi kami. Anda dinasihati supaya merujuk kepada Notis PDP ini secara berkala bagi perubahan yang mungkin dibuat.

Percanggahan/ Ketidakselarasan

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) Notis PDP ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai setakat percanggahan atau ketidakselarasan tersebut.

Hubungi Kami

Kami komited untuk melindungi data peribadi anda. Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan berhubung dengan Notis PDP ini atau bagaimana kami mengendalikan data peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data TNB kami pada alamat dpo@tnb.com.my.